

12 SEP 2000

PERLIS HARAM BUKU HINA NABI MUHAMMAD

KANGAR, 12 Sept (Bernama) -- Perlis akan mengharamkan penjualan buku bertajuk "Islam Melangkah ke Alaf Baru" yang didakwa dikeluarkan oleh parti PAS kerana bimbang ianya boleh menyeleweng fahaman dan akidah umat Islam di negeri ini.

Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim berkata, adalah tidak wajar PAS mendakwa kononnya Nabi Muhammad seorang presiden sebuah parti Islam sedangkan baginda adalah nabi yang diutuskan oleh Allah membawa agama Islam.

Bercakap kepada pemberita di Kuala Perlis hari ini, beliau berkata satu perbincangan lanjut akan diadakan dengan Mufti Negeri, Datuk Alim Panglima Mat Jahaya Husain dan Majlis Fatwa Negeri bagi menentukan kedudukan muktamad ke arah mengharamkan buku berkenaan.

Penerbitan buku itu telah didedahkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di Kuala Lumpur semalam.

Shahidan bimbang jika buku itu dibiarkan dijual berleluasa di negeri ini, kemungkinan ramai umat Islam akan terpedaya kerana selama ini pun mereka mudah mempercayai sesuatu yang dibawa oleh parti pembangkang itu.

-- BERNAMA

RIS PR